

Tiga daerah di Pahang mengalami peningkatan paras air

Mangsa banjir naik mendadak



Banjir

KUANTAN – Bilangan mangsa banjir di negeri ini semalam naik mendadak kepada 1,652 orang yang ditempatkan di 15 pusat pemindahan di daerah ini dan Rompin.

Bagaimanapun, pusat pemindahan di Pekan melibatkan 24 mangsa ditutup berikutan keadaan banjir di kawasan itu kembali surut.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Pahang berkata, daerah ini mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 1,172 mangsa daripada 285 keluarga.

“Sehingga pukul 5.30 petang, jumlah mangsa banjir semakin bertambah dengan melibatkan 18 kampung di Kuantan dan empat kampung di Rompin.

“Sebanyak 11 pusat pemindahan di buka di Kuan-



tan dan empat di Rompin,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, tinjauan di Tadika Perpaduan Cenderawasih Timur di sini mendapati seramai 68 orang me-

libatkan 18 keluarga dari Kampung Jawa, Kampung Segantang Lada, Kampung Baru dan Kampung Kurnia ditempatkan di situ.

Pengerusi Rukun Tetang-

ga Cenderawasih Timur, Fuad Mohd: Karim berkata, bilangan tersebut meningkat apabila 10 orang daripada lima keluarga dari Kampung Kurnia mula ditempatkan di



ATAS: SEORANG penduduk Kampung Gudang Rasau, Rompin tidur di atas kereta selepas keluarganya berpindah ke pusat pemindahan banjir apabila rumahnya dinaiki air semalam.

KIRI: AHLI Dewan Undangan Negeri Inderapura, Datuk Shafik Fauzan Sharif (duduk, dua dari kiri) melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Banjir Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Besar, Kuantan semalam.

pusat pemindahan itu sejak pukul 3 pagi.

“Masih terdapat beberapa keluarga terkandas di rumah masing-masing akibat rumah mereka dikelilingi air

di Kampung Bukit Setongkol dan tidak dapat dipindahkan.

“Bagaimanapun, bantuan tetap akan diberikan kepada mereka,” katanya.